

TPA RUBRIK

Bidang fokus	Soalan – soalan Panduan	Tidak Memuaskan 1	Memuaskan 2	Baik 3	Sangat Baik 4	Cemerlang 5
C2.3b Pengurusan Bilik Darjah	Sejauh manakah guru menstruktur dan memanfaatkan masa dalam pengajaran?					

Pengajaran dimulakan dengan aktiviti ringkas yang melibatkan kebanyakan pelajar. Pengajaran distruktur kepada beberapa sesi termasuk pengajaran keseluruhan kelas serta tugas individu atau kumpulan. Guru merumuskan pengajaran dengan jelas.

Guru menggunakan pelbagai aktiviti permulaan yg ringkas dan interaktif serta melibatkan pelajar dengan segera. Sesi pengajaran bersalinghubungan dan memanfaatkan masa. Guru menggunakan sesi perumusan untuk tujuan penilaian dan pelanjutan pembelajaran, membincang dan mengenal pasti kesalahfahaman lazim.

Pengajaran tidak berstruktur dan lewat dimulakan menyebabkan gerak masa pembelajaran perlahan. Pembaziran masa disebabkan oleh penjelasan yang berulang atau guru menghabiskan masa melaksanakan tugas pentadbiran. Ramai pelajar tidak terlibat dalam pembelajaran.

Pengajaran segera dimulakan dengan aktiviti ringkas. Pengajaran distruktur kepada beberapa sesi mengikut tempoh masa dengan pelbagai aktiviti. Guru menggunakan sesi perumusan supaya pelajar dapat meringkaskan idea utama dan menilai Kembali hasil pembelajaran mereka.

Pengajaran segera dimulakan dengan aktiviti ringkas yang melibatkan semua pelajar. Beberapa sesi pengajaran keseluruhan kelas bersifat saling interaktif, seimbang dengan tugas individu dan/atau kumpulan yang menarik. Sesi perumusan yang interaktif digunakan untuk merangkum hasil pembelajaran.